

Sifar kemiskinan tegar petunjuk keberhasilan dasar Malaysia MADANI

• Di bawah pentadbiran Malaysia MADANI, keutamaan kerajaan bukan sekadar mengurangkan kadar kemiskinan, malah turut memastikan tiada keluarga tertinggal dalam arus pembangunan

• Elemen kemudahan awam seperti elektrik, air bersih dan jalan raya bukan lagi dianggap sebagai kemudahan sampingan, tetapi menjadi faktor asas perlu diberi perhatian bagi menentukan kesaksamaan peluang



Pensyarah
Pusat Pengajian
Kerajaan,
Universiti Utara
Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Malaysia kini berada di ambang kejayaan besar dalam pembangunan sosial negara. Setelah sekian lama bergelut dengan isu kemiskinan tegar, negara dijangka mencapai sifar kemiskinan tegar menjelang suku pertama 2026.

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan sahaja membawa harapan kepada ribuan isi rumah hidup dalam kitaran kemiskinan sejak turun-tamurun, malah membuktikan keupayaan dasar sosial negara bersandarkan kerangka Malaysia MADANI untuk mengubah nasib rakyat.

Menurut data terkini, kadar miskin tegar menurun kepada hanya 0.09 peratus, satu rekod paling rendah dalam sejarah Malaysia. Walaupun angka ini kelihatan kecil, namun pada setiap titik peratusan wujud manusia sebenar, dengan kisah pengorbanan, perjuangan hidup dan aspirasi untuk masa depan.

Justeru, kejayaan ini perlu dilihat bukan sekadar statistik pencapaian negara semata-mata malah sebagai ukuran keberkesanan inisiatif dirangka untuk mengangkat martabat rakyat.

Walaupun Malaysia antara ekonomi paling kukuh dan pelbagai di Asia Tenggara, namun kemiskinan tegar masih wujud dalam kelompok tertentu khususnya di luar bandar Kelantan, Kedah dan Perlis, pedalaman Sabah dan Sarawak termasuk komuniti bandar miskin di pinggir bandar kota.

Pada masa sama, beberapa kumpulan demografi seperti ibu tunggal, warga emas, masyarakat Orang Asli dan pekerja gig turut dikesan tergolong dalam miskin tegar susulan keterbatasan peluang dalam ekonomi.

Golongan ini sering berdepan pelbagai bentuk kerentanan termasuk ketiadaan simpanan, pendapatan tidak stabil, masalah kesihatan, akses pendidikan terhad dan jurang kemahiran mengekang peluang mobiliti sosial.

Oleh itu, usaha membasmi kemiskinan tegar tidak hanya bertujuan mengatasi keperluan jangka pendek, malah turut menuntut pembinaan sistem perlindungan sosial yang kukuh dan mampan supaya mereka tidak jatuh semula ke dalam kitaran kemiskinan pada masa hadapan.

Di bawah pentadbiran Malaysia MADANI, keutamaan kerajaan bukan sekadar mengurangkan kadar kemiskinan, malah turut memastikan tiada keluarga tertinggal dalam arus pembangunan.

Bagi merealisasikan hasrat itu, operasi lapangan perlu diperkukuhkan melalui pemantauan bulanan dijalankan secara terperinci dan isu kelewatan projek awam perlu diselesaikan dengan kadar segera melalui koordinasi agensi pusat dan negeri.

Elemen kemudahan awam seperti elektrik, air bersih dan jalan raya bukan lagi dianggap sebagai kemudahan sampingan, tetapi menjadi faktor asas perlu diberi perhatian bagi menentukan kesaksamaan peluang.

Pada masa sama Sabah dan Sarawak akan menjadi medan paling mencabar, terutama di kawasan pedalaman yang mana akan membabitkan kos logistik tinggi, infrastruktur terhad dan geografi luas menun-

tut pendekatan lebih kreatif.

Lantaran itu, keutamaan dan perhatian kerajaan terhadap dua wilayah ini turut mencerminkan realiti kemiskinan tegar tidak hanya dapat ditangani dengan dasar umum semata-mata, malah memerlukan intervensi mengikut lokasi, budaya dalam konteks komuniti disasarkan.

Bagi tujuan ini, kerajaan melaksanakan rangkaian intervensi morangkumi pelbagai dimensi, bermula daripada bantuan pendapatan hinggalah kepada pembinaan aset komuniti. Antaranya termasuk pemberian tunai bersasar seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) membantu keluarga menampung keperluan asas.

Walaupun bersifat jangka pendek, bantuan ini dilengkapi dengan program peningkatan pendapatan supaya isi rumah mempunyai sumber lebih stabil dan mampan. Selain itu, inisiatif agihan makanan turut digerakkan melalui program jamuan berskala kecil, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pasaran dan meningkatkan keselamatan makanan keluarga.

Kuasai peluang kemahiran

Pada masa sama, latihan kemahiran dan penempatan kerja ditawarkan melalui latihan vokasional, kursus keusahawanan dan penadanan pekerjaan, membolehkan golongan miskin menguasai pelbagai kemahiran yang mampu menjana pendapatan baharu.

Aspek naik taraf infrastruktur turut diberi perhatian kerana penyediaan elektrik, air bersih, jalan raya dan internet bukan sekadar kemudahan asas, tetapi penentu kepada kebolehpeluang peluang pendidikan, perniagaan dan mobiliti sosial.

Cabaran terbesar bukan sahaja membasmi kemiskinan tegar, tetapi memastikan golongan ini terus bebas daripada kemelut kemiskinan. Petunjuk ekonomi seperti kenaikan kos sara hidup, krisis kesihatan, kehilangan pekerjaan dan kejutan ekonomi boleh menjerumuskan semula keluarga kepada kemiskinan.

Bagi memastikan kemiskinan tegar dapat dibasmi

secara kekal, beberapa intervensi jangka panjang perlu diperkukuh. Pertama, sistem perlindungan sosial mesti diperkasa melalui peluasan jaringan keselamatan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), bantuan warga emas, subsidi kesihatan dan perlindungan anak yatim.

Golongan rentan tidak boleh dibiarkan bergantung kepada sokongan sementara, sebaliknya memerlukan sistem mampu menjamin kestabilan hidup.

Kedua, pendidikan menjadi kunci mobiliti sosial antara generasi. Justeru, akses kepada sekolah berkualiti, asrama desa, biasiswa, pendidikan teknikal dan program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) perlu ditingkatkan supaya generasi muda memiliki peluang masa depan lebih cerah.

Ketiga, sumber pendapatan berasaskan komuniti perlu digerakkan melalui model pembangunan kampung yang menekankan pertanian, pelancongan desa, kraf tangan dan produk tempatan.

Pendekatan ini tidak hanya menjana pendapatan, tetapi mengekalkan masyarakat di kampung untuk mengelakkan migrasi terpaksa ke bandar.

Keempat, dalam era ekonomi gig dan e-dagang, pendigitalan membuka peluang luas, maka akses internet, latihan pemasaran digital dan penyediaan platform jualan perlu diperluas bagi menghubungkan golongan miskin dengan pasaran lebih besar.

Kelima, kepemimpinan tempatan dan tadbir urus cecak sangat penting. Pembasmi kemiskinan tegar memerlukan kerjasama rapat antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat, kerana mereka mampu memastikan tiada keluarga terlewat daripada radar bantuan dan pembangunan.

Menjelang 2026, Malaysia berpotensi mencatat sejarah sebagai negara berjaya membasmi kemiskinan tegar sepenuhnya. Namun, apa yang lebih penting adalah memastikan golongan terbahagi berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan serta mendapat landasan kukuh membina masa depan seperti infrastruktur baik, peluang pekerjaan, pendidikan berkualiti dan perlindungan sosial saling melengkapi.

